



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

PANDUAN IMPORT

KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| PENDAHULUAN..... | 1 |
| Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) | 1 |
| PENGIMPORAN BARANG DAN PERKHIDMATAN | 1 |
| Pengimportan Barang..... | 1 |
| Pengimportan Perkhidmatan | 2 |
| TERMINOLOGI..... | 3 |
| TEMPAT DAN WAKTU PENGIMPORAN | 4 |
| LAIBILITI CBP KE ATAS BARANG IMPORT | 4 |
| PENILAIAN..... | 5 |
| Penilaian ke atas Barang Import..... | 5 |
| Nilai pembekalan barang di bawah Skim Penggudangan..... | 5 |
| IMPORT SEMENTARA..... | 6 |
| SOALAN LAZIM | 6 |
| MAKLUM BALAS DAN KOMEN | 14 |
| MAKLUMAT LANJUT..... | 14 |

PENDAHULUAN

1. Panduan industri ini dikeluarkan bertujuan untuk membantu semua pengimport dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya terhadap barang import.

Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) merupakan cukai kepenggunaan berperingkat ke atas penggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali yang diberikan pengecualian. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dilakukan secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. CBP pada akhirnya dibayar oleh pengguna akhir walaupun cukai dibayar di seluruh rangkaian pengeluaran dan pengedaran. Oleh kerana itu, cukai itu sendiri bukanlah suatu kos untuk perantara dan ianya tidak dinyatakan sebagai perbelanjaan dalam laporan kewangan mereka.

4. Di Malaysia, orang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut kembali CBP yang ditanggung ke atas pembeliannya (cukai input) yang menjadi input kepada perniagaannya. Dengan demikian, cukai itu tidak merupakan kos kepada perantara dan tidak dikira sebagai suatu item perbelanjaan dalam penyata kewangannya.

PENGIMPORAN BARANG DAN PERKHIDMATAN

Pengimportan Barang

5. Secara umumnya, semua barang yang diimport ke Malaysia dikenakan CBP. Walau bagaimanapun, terdapat barang tertentu yang diimport oleh orang atau kumpulan tertentu diberikan pelepasan daripada bayaran CBP seperti yang

diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX.

6. Sekiranya barang diimport melalui Skim Pedagang Yang Diluluskan (ATS) pembayaran CBP ke atas barang import adalah ditangguh. Walau bagaimanapun, orang yang mendapat kelulusan itu perlu menyediakan penyata CBP import yang digantung bagi tempoh bercukainya mengikut tempat dimana pengimportan berkenaan berlaku.

7. Jika barang diimport dan tertakluk kepada Skim Penggudangan, CBP tidak dikenakan sehingga barang tersebut dikeluarkan dari gudang untuk digunakan. CBP tidak dicaj ke atas barang yang diimport dari suatu tempat di luar Malaysia ke Labuan, Langkawi atau Tioman (dikenali sebagai Kawasan yang Ditetapkan) kecuali barang tertentu akan dikenakan CBP oleh Menteri. Walau bagaimanapun, pembekalan barang dari Kawasan yang Ditetapkan ke Malaysia dikenakan CBP, sama seperti pengimportan barang ke Malaysia.

8. Pengimport yang juga orang yang dikenakan cukai boleh menuntut semula CBP yang telah dibayar semasa import mengikut peraturan sedia ada. Tuntutan CBP di atas import dilakukan dengan mengkreditkan jumlah yang dibenarkan terhadap cukai outputnya dengan bekalan bercukainya.

Pengimportan Perkhidmatan

9. Di bawah Akta CBP, "perkhidmatan diimport" ertinya apa-apa perkhidmatan oleh pembekal yang berasal di suatu negara selain Malaysia atau yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia kepada penerima yang tempatnya di Malaysia dan pembekalan perkhidmatan berkenaan digunakan di Malaysia. Apabila perkhidmatan diimport dari luar Malaysia dan dibekalkan kepada penerima, dan merupakan pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia, penerima bekalan hendaklah mengakaun dan membayar CBP jika perkhidmatan yang diimport itu adalah untuk tujuan perniagaan dan digunakan di Malaysia. Secara umumnya, perundangan CBP memperuntukkan pembekal untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai yang dibekalkan kepada penerima.

10. Walau bagaimanapun, dalam kes perkhidmatan yang diimport, liabiliti CBP beralih daripada pembekal kepada penerima jika *establishment* tetap atau perniagaan penerima atau tempat tinggal biasanya adalah di Malaysia.

11. Oleh itu, penerima adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan CBP pada pembekalan bekalan yang dibuat bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Umum CBP*.

TERMINOLOGI

12. Adalah penting untuk memahami erti dari beberapa istilah yang digunakan dalam panduan ini. Istilah berikut ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Kastam 1967:

- (a) **"Import"** adalah dengan variasi gramatisnya dan dengan ungkapan seasal dengannya bererti membawa atau menyebabkan dibawa masuk ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara. Sehubungan dengan itu, barang bona fide dalam transit, termasuk barang untuk pemindahan tidak dilevi cukai kastamnya atau dianggap sebagai import kecuali ianya bertujuan untuk import atau belum lulus kastam.
- (b) **"Pengimport"** termasuklah dan dipakai bagi mana-mana pemunya atau orang lain yang pada masa itu memiliki atau mempunyai kepentingan benefisial ke atas apa-apa barang pada dan dari masa pengimportan barang tersebut sehingga barang itu telah dipindah daripada kawalan kastam dengan sempurna.
- (c) **"Pemunya"** berkenaan dengan barang termasuklah mana-mana orang (selain daripada seorang pegawai kastam yang bertindak atas sifat rasminya) yang adalah atau mengemukakan dirinya sebagai pemunya, pengimport, pengeksport, konsaini, ejen atau seorang yang memiliki, atau mempunyai kepentingan benefisial dalam, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan barang itu.

TEMPAT DAN WAKTU PENGIMPORAN

13. Suatu pengimportan barang hendaklah dilakukan di tempat pendaratan yang sah atau di tempat yang dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak untuk mendaratkan barang yang diimport ke Malaysia samada melalui laut, udara atau darat.

14. Apabila tiba di Malaysia, semua barang hendaklah diikrar dalam tempoh satu bulan dari tarikh import oleh pemunya barang atau ejennya dalam borang kastam yang ditetapkan. Barang yang diimport hanya boleh dilepaskan dari kawalan kastam selepas semua duti dan CBP dibayar sepenuhnya kecuali dibenarkan sebaliknya oleh Ketua Pengarah. Dalam kes pengimportan melalui jalan darat, pengisytiharan hendaklah dibuat pada sejurus selepas ketibaannya di tempat import.

15. Jika pengimportan dilakukan melalui pos, penerima atau ejennya perlu membuat pengisytiharan barang import dalam borang yang ditetapkan jika diarahkan oleh pegawai kastam yang hak.

16. CBP ke atas barang import akan dipungut bersama-sama dengan duti kastam yang lain, jika ada, di pintu-pintu masuk negara. CBP dan duti kastam, jika ada, hendaklah dibayar kepada kastam dalam tempoh 14 hari dari pengisytiharan, sebelum barang itu dilepaskan dari kawalan kastam.

LAIBILITI CBP KE ATAS BARANG IMPORT

17. Pengimport atau pemunya barang import bertanggung untuk membayar CBP dan duti kastam, jika ada, semasa import atau pada masa barang dilepaskan untuk kegunaan dalam negara. Walau bagaimanapun, jika pengimport atau pemunya barang import itu diwakili oleh ejen, yang juga adalah orang kena cukai, untuk bertindak atas namanya, dan pemunya bukan orang yang kena cukai, maka, barang tersebut dianggap diimport oleh ejen. Dalam kes sebegini, ejen itu bertanggung ke atas CBP dan duti kastam, jika ada, ke atas barang import itu.

PENILAIAN

Penilaian ke atas Barang Import

18. Secara umumnya, semua barang import dikenakan CBP kecuali beberapa barang tertentu yang diimport oleh mana-mana orang atau satu kelas orang yang diberi dari pembayaran CBP semasa pengimportan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX. Ini termasuk barang yang dikecualikan dan berkadar sifar.

19. Nilai barang import ditetapkan di bawah Perintah Kastam (Kaedah Penilaian) 1999. Untuk CBP, nilai untuk barang import akan menjadi agregat seperti berikut:

- (a) Nilai ditetapkan untuk keperluan kastam;

Nilai barang atau nilai transaksi, yang umumnya ditunjukkan atas invois, ditambah pelarasan untuk di masukkan seperti pengangkutan, insurans, pembungkusan, komisyen dan broker, *assist*, royalti, hasil, caj dan kos lain yang berkaitan dengan pengangkutan barang sehingga barang itu tiba di negara pengimport, tetapi bukan kos yang ditanggung selepas pengimportan.

- (b) Cukai kastam yang dibayar atau perlu dibayar, jika ada; dan

- (c) Duti eksais yang dibayar atau perlu dibayar, jika ada.

CBP akan dikenakan pada nilai agregat dari para 19(a), 19(b) dan 19(c).

Nilai pembekalan barang di bawah Skim Penggudangan

20. Sekiranya terdapat lebih dari satu pembekalan (untuk barang import) dalam sebuah gudang, hanya pembekalan terakhir dikenakan CBP kerana ia dikenakan di peringkat duti, iaitu apabila barang itu dilepaskan dari kawalan kastam atau dipindahkan daripada gudang. Pembekalan perantaraan dalam gudang tidak diambilkira bagi tujuan CBP.

21. Walau bagaimanapun, CBP kena dibayar ke atas apa-apa pembekalan dibuat di dalam gudang jika barang dibekalkan itu untuk penggunaan di dalam gudang.

22. Nilai pembekalan itu hendaklah dikira termasuk apa-apa duti (samada duti kastam atau duti eksais atau kedua-duanya, jika ada). Cukai ke atas pembekalan itu mesti dibayar di peringkat duti, bersama dengan duti (jika ada).

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk “Panduan CBP ke atas Skim Penggudangan”

IMPORT SEMENTARA

23. Umumnya, barang import sementara dikenakan CBP. Walau bagaimanapun, pelepasan boleh diberikan di bawah butiran XX, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX ke atas barang tertentu yang diimport sementara untuk tujuan tertentu seperti pameran, propaganda, pembaikan dan lain-lain.

24. Barang yang memenuhi syarat-syarat import sementara boleh juga diimport dengan menggunakan kemudahan ATA Carnet yang dikeluarkan oleh Dewan Perniagaan (Chamber of Commerce) negara anggota. Di bawah fasilitasi ini, CBP diberikan pelepasan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan duti kastam akan dikecualikan.

25. Barang yang diluluskan untuk import sementara hendaklah dieksport semula dalam tempoh 3 bulan atau tempoh yang lebih panjang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Jika barang tidak dieksport semula dalam tempoh masa berkenaan, atau dijual di pasaran domestik, dipindahkan atau dilupuskan di negara ini, CBP dan duti kastam, jika ada, akan dipungut secara penuh dan barang tersebut tidak lagi layak untuk pelepasan duti dan CBP.

SOALAN LAZIM

S1: Adakah semua barang import dikenakan CBP?

J1: Ya, semua barang adalah tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, anda tidak perlu membayar CBP untuk barang yang diimport jika diberikan pelepasan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX. Pembayaran CBP digantung apabila anda diberikan kemudahan di bawah Skim Pedagang yang Diluluskan (ATS) atau di bawah kim

Penggudangan. CBP tidak akan dilevi ke atas pembekalan barang yang berkadar sifar dan dikecualikan cukai.

S2: Bagaimanakah dan bilakah perlu saya membayar CBP ke atas barang import?

J2: CBP untuk barang import hendaklah diikrar dalam borang kastam tertentu dan cukainya perlu dibayar bersama-sama duti kastam yang lain, jika ada, dipintu-pintu masuk import. Umumnya, CBP hendaklah dibayar sebelum barang import tersebut dilepaskan daripada kawalan kastam.

S3: Bolehkah pengimport menangguhkan bayaran CBP ke atas barang import?

J3: Ya, pengimport yang juga orang kena cukai boleh menangguhkan bayaran CBP ke atas barang import dengan menyertai Skim Pedagang yang Diluluskan (ATS) atau Skim Penggudangan.

Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk *Panduan Skim Pedagang yang Diluluskan (ATS) dan Skim Penggudangan*.

S4: Kerani saya telah dengan tidak disengaja telah membuat kesilapan semasa pengimportan dan kemudiannya menyedari bahawa beliau telah terlebih bayar CBP. Bolehkah saya menuntut CBP yang terlebih bayar, walaupun saya bukan orang berdaftar CBP?

J4: Akta CBP 20XX membolehkan setiap orang yang terlebih atau terkhilaf bayar CBP membuat tuntutan dalam tempoh enam tahun dari tarikh terlebih atau terkhilaf bayar dengan mengisi borang ditetapkan dan menyerahkannya bersama-sama dengan bukti yang mencukupi seperti invois, K1 atau K9, Resit Rasmi Kastam (COR), bil pendaratan dan dokumen sokongan yang lain ke pejabat kastam yang berkaitan.

S5: Juruaudit saya memaklumkan kepada saya bahawa saya telah terkurang bayar CBP semasa import ke atas beberapa pengimportan yang dibuat oleh saya. Bagaimanakah caranya untuk saya membuat pembetulan?

J5: Anda hendaklah memberitahu secara bertulis kepada pegawai kastam yang hak di pintu masuk import berkenaan berhubung kurang bayar itu. Anda boleh membuat bayaran setelah anda menerima notis tuntutan. Kemudian, anda

boleh menuntut bayaran tersebut sebagai kredit cukai input jika anda adalah orang yang berdaftar.

S6: Jika syarikat saya bukan berada di Malaysia, bolehkah syarikat saya melantik seorang ejen di Malaysia untuk mengimport dan membekalkan barang bagi pihak saya?

J6: Syarikat yang tidak berada di Malaysia dan bertanggung untuk berdaftar atau bertujuan untuk berdaftar secara sukarela perlu melantik ejen untuk bertindak bagi pihaknya dan ejen itu, samada ia adalah orang kena cukai atau tidak akan bertanggung ke atas cukai dan mematuhi apa-apa kehendak lain yang dikenakan di bawah perundangan CBP seolah-olah ejen itu adalah orang yang tidak berada di Malaysia.

S7: Sebagai agen yang bertindak untuk prinsipal di luar negara dengan nilai pusingan tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan, perlukah saya mengikrar pengimportan barang bagi pihak prinsipal tersebut diatas nama saya sendiri?

J7: Ya, kerana pengimportan tersebut dianggap sebagai pengimportan anda sendiri dan jika anda orang berdaftar, anda adalah bertanggung mengakaunkan CBP ke atas pengimportan barang serta pembekalan yang dibuat bagi pihak prinsipal. Tambahan pula, apa-apa pengimportan adalah tertakluk kepada GST dan ianya tidak mengambilkira samada anda telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan atau tidak.

S8: ABC Sdn. Bhd telah mengimport 1,000 set telefon dengan nilai RM50,000.00 yang disimpan dalam sebuah gudang berlesen di bawah Akta Kastam 1967. Kerani stor menyedari bahawa ada kekurangan 200 set telefon semasa menggudangkan barang tersebut ke dalam gudang berlesen. Apakah implikasi CBP ke atas barang hilang?

J8: Barang yang hilang ketika masih di bawah kawalan kastam tetap akan dikenakan CBP. Walau bagaimanapun, ABC Sdn. Bhd boleh memohon untuk CBP dan duti kastam, jika ada, diremitkan oleh Ketua Pengarah. Jika barang tersebut hilang, rosak atau dicuri selepas pelepasan kastam, pengurangan CBP dan duti kastam, jika ada, tidak dibenarkan.

Pengiraan CBP dan duti kastam yang kena dibayar ke atas barang hilang semasa di bawah kawalan kastam adalah seperti berikut:

Dengan andaian duti import adalah 10% dan CBP 6%.

| Perihal | Jumlah (RM) |
|---|--------------------|
| Nilai barang berdasarkan inbois dan bil muatan | 50,000.00 |
| Nilai barang (200 set telefon) yang hilang (Diperakui oleh Pegawai Kastam) | 10,000.00 |
| Duti import sebanyak 10% ke atas (untuk 200 set telefon) | 1000.00 |
| CBP sebanyak 6% ke atas nilai RM11,000 | 660.00 |
| Jumlah CBP dan duti kastam kena dibayar | RM1,660.00 |

ABC Sdn. Bhd kena membayar **RM1,660.00** untuk barang yang hilang melainkan diremit oleh Ketua Pengarah.

S9: DEF Sdn Bhd telah mengimport sebanyak 2,000 unit TV LED dari Korea dengan harga RM2,000,000. Konsaimen ini telah tiba di Pelabuhan Klang pada 1 Oktober 2015. Deskripsi dan kuantiti barang yang dinyatakan dalam bil muatan dan inbois adalah sama dengan yang diimport. Sebelum barang dilepaskan dari kawalan kastam, 500 unit TV LED bernilai RM500,000.00 didapati terkurang didaratkan. Notis kurang darat dikeluarkan oleh pembekal dan diikuti dengan sijil kurang darat dari penghantar (*shipper*). Baki barang akan dihantar semula dalam jangka masa satu bulan. Bagaimanakah caranya untuk syarikat itu membayar CBP dan duti kastam ke atas barang kurang darat itu?

J9: CBP dan duti kastam, jika ada, akan dicaj ke atas jumlah konsaimen kesemuanya (termasuk barang yang kurang darat) mengikut inbois dan bil muatan semasa ketibaan. Walau bagaimanapun, CBP dan duti kastam, jika ada, tidak perlu dibayar apabila barang kurang darat berkenaan tiba

kemudiannya. DEF Sdn Bhd perlu mengemukakan dokumen sokongan dan bukti seperti K1, inbois, Bill of Lading, sijil kurang darat, surat dari pembekal dan dokumen lain yang diminta oleh pegawai kastam yang hak di pintu masuk import.

S10: Apakah layanan untuk barang yang dieksport sementara untuk diperbaiki dan selanjutnya diimport semula?

J10: Barang yang dieksport sementara untuk tujuan diperbaiki dan selanjutnya diimport semula akan diberikan pelepasan CBP di bawah item XX Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX. Walau bagaimanapun, CBP dan duti kastam akan dicaj jika terdapat penggantian ke atas alat ganti dan komponen yang ditambah dan hendaklah dibayar semasa pengimportan semula barang itu di pintu masuk import.

S11: Sebuah syarikat tempatan ingin memajak sebuah mesin dari syarikat di luar negara selama beberapa tahun. Apakah implikasi CBP untuk barang sewa?

J11: Bagi tujuan CBP, pemajakan mesin adalah pembekalan perkhidmatan tertakluk kepada CBP yang dikenakan pada setiap bayaran pemajakan secara berturutan. Bagaimana pun, pemajakan bagi barang yang diimport dari luar negara adalah dikira sebagai pengimportan barang ke Malaysia dan tertakluk kepada CBP yang mana nilai mesin itu ditentukan mengikut kaedah penilaian bagi tujuan duti kastam. Nilai import ditentukan oleh peraturan penilaian sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999. Nilai yang diambilkira adalah nilai transaksi barang berkenaan, iaitu harga yang dibayar atau dibayar semasa barang tersebut dieksport ke Malaysia, selaras dengan peraturan 5, Peraturan yang sama. Dalam kes ini, barang import itu adalah dipajak dari luar negara. Dengan demikian, tidak terdapat pertukaran hakmilik dan jualan telah berlaku. Oleh sebab itu, nilai transaksi tidak terpakai bagi barang dipajak.

Nilai import hendaklah ditentukan mengikut susunan pemakaian peraturan penilaian seperti yang dinyatakan dalam peraturan 3, Peraturan yang sama seperti berikut:

- (a) nilai transaksi barang identikal di bawah peraturan 6;

- (b) nilai transaksi barang serupa di bawah peraturan 7;
- (c) nilai deduktif barang import di bawah peraturan 8; dan
- (d) nilai dikira dari barang import di bawah peraturan 9.

Jika tiada nilai di atas dapat dijadikan asas penilaian untuk barang tersebut, penilaian boleh dilakukan di bawah peraturan 10, dengan menggunakan mana-mana kaedah penilaian di atas tetapi interpretasi yang fleksibel dan penyesuaian yang berpatutan dibenarkan bagi mencapai sesuatu nilai kastam.

Di bawah kaedah penilaian yang fleksibel, nilai import atau nilai kastam ke atas barang sewa adalah berdasarkan jumlah sewa atau sewa yang perlu dibayar, tidak termasuk kos penyelenggaraan di Malaysia, yang dibayar kepada syarikat asing. CBP untuk barang sewa akan dicaj dari jumlah keseluruhan nilai import dan duti kastam, jika ada.

Nilai import dikira mengikut formula berikut:

| |
|---|
| $P + \frac{P}{(100\% + X\%)} + \frac{P}{(100\% + X\%)^2} + \dots + \frac{P}{(100\% + X\%)^{n-1}}$ |
|---|

- di mana; P = bayaran sewa per tahun;
- n = bilangan tahun, dan
- X% = kadar bunga

S12: ABC Sdn. Bhd berhasrat untuk menyewa mesin terpakai dari syarikat di luar negara, iaitu XYZ Pte. Ltd. untuk tempoh masa 3 tahun. Menurut peruntukan dalam kontrak, kos penyelenggaraan oleh Syarikat A adalah RM 100,000.00 setahun dan boleh dituntut dari XYZ Pte. Ltd. Mesin berkenaan disewakan pada nilai RM 2,000,000 setahun tidak termasuk kos penyelenggaraan. Berapakah nilai import dan CBP ke atas mesin yang disewakan?

J12: Nilai import ke atas mesin tidak dapat ditentukan oleh nilai transaksi kerana tidak ada pertukaran hakmilik mesin berkenaan. Nilai import akan ditentukan oleh Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 seperti yang dinyatakan di bawah peraturan 3. Diandaikan bahawa peraturan penilaian tidak boleh

digunakan, kaedah penilaian fleksibel boleh diterima pakai bagi menentukan nilai kastam.

Dengan kaedah fleksibel penilaian, nilai import untuk mesin yang disewakan dikira mengikut formula berikut:

$$P + \frac{P}{1.05} + \frac{P}{(1.05)^2} + \dots + \frac{P}{(1.05)^{n-1}}$$

Di mana; P = bayaran sewa setahun;
 = RM2,000,000
 n = bilangan tahun;
 = 3
 5% = kadar bunga semasa.

Andaian duti import adalah 25% dan CBP adalah 6%,

$$\begin{aligned} \text{Nilai kastam} &= 2,000,000 + 2,000,000/1.05 + 2,000,000/(1.05)^2 \\ &= 2,000,000 + 1,904,761.90 + 1,818,181.82 \\ &= 5,722,943.72 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Duti Import} &= 5,722,943.72 \times 25\% \\ &= \mathbf{RM1,430,735.93} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{CBP} &= [5,722,943.72 + 1,430,735.93] \times 6\% \\ &= \mathbf{RM429,220.77} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah CBP dan duti} &= \text{RM429,220.77} + \text{RM1,430,735.93} \\ \text{Import perlu dibayar} & \end{aligned}$$

$$= \mathbf{\underline{RM1,859,956.60}}$$

S13: Adakah terdapat apa-apa implikasi GST pada kenderaan motor yang dipandu oleh seorang warga Singapura yang memasuki Malaysia melalui Tambak Johor untuk tinggal satu bulan di Malaysia?

J13: Kenderaan bermotor ini diberikan pengecualian di bawah butiran 21 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, jika ianya telah didaftarkan atau dilesenkan di mana-mana negara luar. Sehubungan dengan itu, pelepasan CBP

diberikan di bawah butiran XX Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX dan tertakluk kepada syarat-syarat lain yang difikirkan bersesuaian oleh Ketua Pengarah.

S14: Apakah implikasi CBP terhadap contoh perdagangan yang diimport?

J14: Contoh perdagangan yang diimport diberikan pelepasan cukai di bawah butiran XX Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX. Walau bagaimanapun, contoh perdagangan tersebut tidak boleh dijual, diguna pakai, disewa atau sebagai hadiah ketika berada di Malaysia.

S15: Apakah jenis dokumen yang perlu disimpan?

J15: Semua dokumen yang berkaitan dengan import harus disimpan untuk jangka masa tujuh tahun. Kegagalan untuk melakukannya adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta CBP 20XX. Dokumen yang perlu disimpan adalah seperti berikut:

- (a) pengikraran import (k1)
- (b) Inbois komersial
- (c) bill of lading
- (d) nota perkapalan
- (e) nota insurans
- (f) dokumen pembayaran seperti dokumen kredit, arahan debit, kenyataan bank, dll
- (g) inbois penjualan
- (h) nota debit dan kredit
- (i) sijil kurang hantar/kurang darat
- (j) dokumen dari pihak berkuasa pelabuhan, dan
- (k) dokumen lain yang berkaitan.

MAKLUM BALAS DAN KOMEN

23. Sebarang maklum balas atau komen adalah amat dihargai. Sila emel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham b. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer b. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

MAKLUMAT LANJUT

24. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:-

- (a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - e-mel : ccc@customs.gov.my